

# Masalah Pelajar Universiti Teknikal Dalam Mempelajari Aksara Cina

## *(Problems Of Technical University Students In Learning Chinese Characters)*

Tan Hua An<sup>1\*</sup>, Tan Tiam Lai<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Student Development Section, Malaysian Spanish Institute, Universiti Kuala Lumpur, Kulim, Kedah, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [hatan@unikl.edu.my](mailto:hatan@unikl.edu.my)

Received: 25 December 2023 | Accepted: 15 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.18>

**Abstrak:** Aksara Cina sangat unik dalam pembentukan perkataan bahasa Cina. Namun, keunikan aksara Cina menyebabkan pelajar bukan penutur natif secara umumnya menghadapi masalah untuk mengenali, mengingat dan menulis aksara Cina. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai aksara Cina. Penguasaan aksara Cina adalah asas kepada kemahiran membaca dan menulis Bahasa Cina. Justeru itu, masalah yang dihadapi oleh pelajar harus diberi perhatian yang sewajarnya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar universiti teknikal semasa mempelajari aksara Cina dan mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah mempelajari aksara Cina. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data. Sampel kajian ini terdiri daripada 89 orang responden yang mengikuti kursus bahasa Mandarin 1 dan Mandarin 2 di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI). Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pengajar bahasa Mandarin sebagai bahasa asing menambahkan kaedah pengajaran demi meningkatkan keberkesanan pengajaran aksara Cina. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pelajar untuk meningkatkan penguasaan aksara Cina. Beberapa cadangan telah disyorkan sebagai panduan dan rujukan.

**Kata Kunci:** aksara Cina, bahasa Mandarin, kemahiran menulis, pelajar bukan penutur natif

**Abstract:** Chinese characters are very unique in the formation of Chinese words. However, the uniqueness of Chinese characters causes non-native speaker students generally to have difficulty recognizing, remembering and writing Chinese characters. This results in students not being able to master Chinese characters. Mastery of Chinese characters is fundamental to reading and writing Chinese skills. Therefore, the problems faced by students should be given due attention. (The objective of this study was to identify the problems faced by technical university students while learning Chinese characters and suggest measures to overcome the problems of learning Chinese characters. This study used a questionnaire as an instrument to collect data. The sample of this study consisted of 89 respondents who took Mandarin 1 and Mandarin 2 courses at the Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI). The findings of this study are expected to help teachers of Mandarin as a foreign language to improve teaching methods in order to improve the effectiveness of teaching Chinese characters. In addition, this study is also expected to be used as a reference for students to improve their

*mastery of Chinese characters. Some suggestions have been recommended as a guide and reference.*

**Keywords:** Chinese characters, Mandarin, writing skill, non-native speaker students

---

## 1. Pendahuluan

Aksara Cina (汉字) mempunyai sejarah lebih daripada 3400 tahun (Li, 2005). Menurut Enam Kaedah Penciptaan Aksara Cina Kuno (六书) (Xu Shen, Dinasti Donghan, A.D. 100-121), aksara Cina dicipta dan dibentuk melalui dua kaedah iaitu kaedah penciptaan aksara Cina (造字法) dan kaedah penggunaan aksara Cina (用字法). Kaedah penciptaan aksara Cina terdiri daripada piktografik (象形), penunjuk simbol (指事), pemahaman logik (会意) dan bunyi kompleks (形声). Kaedah penggunaan aksara Cina pula terdiri daripada pengalihan makna (转注) dan pinjaman palsu (假借).

Setiap aksara Cina mempunyai tiga elemen asas iaitu bentuk (形), sebutan (声) dan maksud (义). Dengan kata lain, setiap aksara Cina mempunyai bentuk, sebutan dan maksud yang tersendiri. Seiring dengan peredaran masa, ketiga-tiga elemen asas ini telah mengalami perubahan.

Terdapat lapan coret (笔画) asas yang digunakan untuk menulis aksara Cina iaitu coret mendatar (横), coret menegak (竖), coret condong ke kiri (撇), coret condong ke kanan (捺), coret titik (点), coret meningkat (提), coret belok (折) dan coret cangkuk (钩). Selain itu, terdapat tujuh urutan coret atau urutan coret (笔顺) asas yang dijadikan sebagai panduan penulisan iaitu coret mendatar dahulu kemudian diikuti dengan coret menegak (先横后竖), coret condong ke kiri dahulu kemudian diikuti dengan coret condong ke kanan (先撇后捺), dari atas ke bawah (从上到下), dari kiri ke kanan (从左到右), luar dahulu kemudian diikuti dengan dalam (先外后内), dari luar ke dalam kemudian diikuti dengan pengedap (先外后内再封口), tengah dahulu kemudian diikuti dengan kedua-dua belah (先中间后两边). Dari segi struktur pula, secara asasnya terdapat tiga struktur iaitu struktur atas-bawah (上下结构), struktur kiri-kanan (左右结构), dan struktur dalam-luar (内外结构).

Pada masa kini, terdapat dua jenis aksara Cina yang digunakan masa kini iaitu Aksara Cina Tradisional (繁体字) dan Aksara Cina Ringkas (简体字). Aksara Cina Ringkas digunakan secara meluas di seluruh dunia manakala Aksara Cina Tradisional masih digunakan di Taiwan khususnya.

## 2. Pernyataan Masalah

Xu (2003) mengatakan bahawa aksara Cina merupakan tulisan ideografik yang sukar untuk mengenal, menghafal dan menulis.

Mengenali aksara Cina merupakan salah satu masalah utama dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di negara kita (Lui Lep Ming, 2016). Secara umumnya pelajar menghadapi masalah untuk menguasai aksara bahasa Cina. Pelajar tidak dapat menguasai aksara Cina dari segi bentuk, sebutan dan maksud sesuatu aksara Cina. Aksara Cina mempunyai coret yang

banyak serta urutan coret dan struktur yang berlainan telah sukar dikuasai oleh pelajar. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengenali dan mengingat dengan berkesan. Seterusnya mengakibatkan mereka tidak dapat menulis aksara Cina dengan betul.

Tambahan pula, rata-ratanya kelas yang diadakan berbentuk kelas komprehensif (综合课). Kelas komprehensif adalah kelas asas atau kelas utama dalam mengajar bahasa Mandarin sebagai bahasa asing (Li, 2006, ms.149). Zhou (2016, ms.115) berpendapat bahawa kelas komprehensif bahasa Mandarin bercirikan asas dan menyeluruh. Selain mengajarkan pengetahuan fonetik, tatabahasa, kosa kata, pragmatik dan budaya Cina, kelas ini juga melatih kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam kalangan pelajar.

Ini menunjukkan kekangan masa yang menyebabkan peruntukan masa terhadap pengajaran aksara Cina terhad. Ini akan mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) aksara Cina. Tambahan pula, tiada keseimbangan dari segi masa juga merumitkan lagi keadaan tersebut.

Sifat kelas komprehensif bahasa Mandarin dan ciri aksara Cina telah menyukarkan penguasaan aksara Cina dalam kalangan pelajar. Justeru itu, pengkaji berhasrat mengkaji masalah yang dihadapi oleh pelajar bukan penutur natif di universiti semasa mempelajari aksara Cina.

### **3. Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar bukan penutur natif di universiti teknikal semasa mempelajari aksara Cina. Seterusnya pengkaji akan mengesyorkan beberapa cadangan untuk menangani masalah tersebut.

### **4. Kepentingan Kajian**

Kajian ini dapat menambah pengetahuan dan memberi maklumat kepada para pengajar bahasa Mandarin tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari aksara Cina yang mengikuti kursus bahasa Mandarin sebagai bahasa asing agar para pengajar lebih peka kepada masalah yang diketengahkan dan seterusnya membuat penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti PdP.

### **5. Ulasan Kajian Lepas**

Secara umum, aksara Cina biasanya dianggap sukar dipelajari dan susah dikuasai. Banyak kajian yang berkaitan seperti kajian Goh & Ng (2004) menunjukkan tulisan atau karakter Cina adalah kesukaran dan cabaran bagi pelajar yang kali pertama mempelajarinya. Kajian Ang (2008) menunjukkan ramai pelajar berpendapat sukar untuk mengenali dan menulis aksara Cina. Ini selaras dengan kajian Norlida (2018) yang menunjukkan ramai pelajar menyatakan bahawa aksara Cina agak susah untuk dipelajari. Kajian Tan dan Tan (2021a) serta Tan dan Tan (2021b) juga mendapat maklum balas yang sama di mana ramai pelajar menyatakan bahawa aksara Cina sukar untuk dikuasai.

Wang et al. (1994) berpendapat terdapat tiga fasa dalam mengenali aksara Cina iaitu fasa penerokaan, fasa peralihan dan fasa penyesuaian. Kajian oleh Zhang Ying Ying (2010) mendapati kesalahan yang paling menonjol dalam kalangan pelajar Afrika ialah kesalahan dari segi komponen dan coret iaitu lebih daripada 60%. Ini disebabkan pelajar tiada konsep yang

betul terhadap bentuk dan struktur aksara Cina, pengaruh daripada bahasa ibunda dan kesalahan urutan coret.

Menurut Li Rong (2016), tiga masalah utama pengajaran aksara Cina ialah bilangan aksara Cina yang banyak, struktur yang rumit dan coret yang banyak, aksara Cina yang sama tetapi maksud yang berbeza, sebutan yang hampir sama dan aksara Cina yang mempunyai sebutan yang sama. Ketiga ialah kewujudan aksara Cina tradisional dan aksara Cina ringkas pada masa yang sama.

Kajian Wang Lu Zhen (2017) mendapati pengaruh bahasa ibunda berlaku dalam kalangan pelajar di Thailand semasa menulis aksara Cina. Menurut beliau, kesalahan penulisan akan kurang sekiranya peraturan penulisan yang sama wujud di antara tulisan Cina dan Thai. Sebaliknya, kesalahan penulisan akan ketara sekiranya peraturan penulisan tidak sama di antara tulisan Cina dan Thai.

Kajian Yang Sijia, Han Shuwei dan Yang Jikun (2018) mendapati 87.98% pelajar berasa aksara Cina sukar atau lebih sukar. Antara sebabnya ialah aksara Cina sukar ditulis, sukar meningati aksara Cina mempunyai coret yang rumit dan jarang menggunakannya dalam komunikasi harian.

Menurut Jian Keke, Fang Shu dan Zhang Xiaoming (2018), terdapat lima situasi semasa pengajaran aksara Cina kepada penutur bukan natif. Penyelidikan terhadap pengajaran aksara Cina bermula lewat dan tidak mendapat perhatian yang secukupnya. Karya berkenaan kajian pengajaran aksara Cina agak kurang, tiada kursus khas untuk aksara Cina. Kedua, matlamat pembelajaran pelajar tidak sama. Pelajar yang berlainan latar belakang, budaya dan sebagainya mempunyai keperluan yang berlainan terhadap aksara Cina. Ketiga, kekurangan bahan pengajaran yang berkaitan dengan pengajaran aksara Cina, khususnya ketidakseragaman dari segi penyuntingan yang mengambil kira tahap pelajar yang berbeza. Keempat, rancangan pengajaran yang lebih menitikberatkan pendengaran dan penuturan sehingga pengajaran aksara Cina tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Kelima, kekurangan pengajar yang berkualiti tinggi.

Menurut Wang Jiang dan Zhang Wei (2019), pengajar, pelajar dan bahan pengajaran tidak begitu menitikberatkan aksara Cina menyebabkan masalah penulisan aksara Cina dari segi coret, komponen dan struktur.

Kajian Xing Yue (2020) di Institut Confucius di Campinas University mendapati tiga faktor yang mempengaruhi pengajaran aksara Cina iaitu jenis kursus yang ditawarkan, motif pembelajaran yang berlainan dan perbezaan bahan pengajaran.

Hao Tong-yu (2021) membahagikan ralat penulisan kepada empat kategori iaitu ralat coret (terlebih tambah coret, tertinggal coret dan salah coret), ralat komponen (terlebih tambah komponen, tertinggal komponen dan salah tukar komponen), salah kedudukan struktur dan salah guna aksara Cina yang sama sebutan.

Hasil tinjauan literatur tempatan mendapati penguasaan kemahiran menulis aksara Cina bukan merupakan matlamat utama dalam kalangan pelajar tempatan yang mengikuti kursus bahasa Mandarin sebagai bahasa asing berbanding dengan tiga kemahiran yang lain iaitu kemahiran mendengar, menutur dan membaca.

## 6. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data. Soalan di borang soal selidik telah diubahsuai berdasarkan soal selidik Norlida Razali (2015). Menurut Mohd Najib (2003) dan Fuad Mohamed (2017), tinjauan soal selidik merupakan cara yang berkesan dan tidak memerlukan masa banyak serta perbelanjaan besar.

Soal selidik atas talian dijalankan dengan menggunakan *Google Forms*. Pautan telah diberi kepada responden melalui aplikasi *WhatsApp*. Pautan tersebut dibuka selama 10 hari iaitu dari 11 hingga 20hb Disember 2021 untuk responden menjawab soal selidik.

Borang soal selidik kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merupakan maklumat demografi responden seperti jantina, peringkat pengajian dan kursus yang diambil. Bahagian B mengemukakan 14 item yang ringkas dan mudah difahami. Kesemua item disertai dengan pilihan yang berkaitan. Pelajar boleh memilih lebih daripada satu pilihan bagi lima item berikut item 9, item 10, item 11, item 12 dan item 13. Bagi item yang selebihnya pelajar hanya boleh pilih satu pilihan. Berikut ialah 14 item dalam Bahagian B:

- i. Pada pendapat anda, apakah elemen yang paling sukar dalam pembelajaran bahasa Mandarin?
- ii. Adakah anda berasa aksara Cina penting dalam pembelajaran bahasa Mandarin?
- iii. Adakah anda berasa aksara Cina sukar dipelajari?
- iv. Bagaimana anda mempelajari aksara Cina?
- v. Bagaimana anda mula menulis aksara Cina?
- vi. Adakah anda mengetahui coret yang utama dalam aksara Cina?
- vii. Adakah anda mengetahui urutan coret (stroke order) yang utama dalam aksara Cina?
- viii. Adakah anda mengetahui struktur yang utama dalam aksara Cina seperti struktur atas-bawah, struktur kiri-kanan dan struktur luar-dalam?
- ix. Apakah kesukaran yang anda hadapi semasa belajar aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)
- x. Apakah kesalahan yang biasa anda lakukan semasa menulis aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)
- xi. Apakah cara yang anda guna untuk mengingat aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)
- xii. Pada pendapat anda, apakah kaedah pengajaran yang berkesan untuk mengajar aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)
- xiii. Pada pendapat anda, apakah kaedah yang berkesan untuk mempelajari aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)
- xiv. Selepas tamat pembelajaran kursus bahasa Mandarin, adakah anda akan terus mempelajari aksara Cina?

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar diploma dan sarjana muda yang mengambil kursus Bahasa Mandarin peringkat satu (Mandarin 1) pada sesi akademik semester Januari 2021 di UniKL MSI. Mereka adalah pelajar bukan penutur natif bahasa Mandarin.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah diadakan. Pautan telah diberi kepada responden melalui aplikasi *WhatsApp*. Pautan tersebut dibuka selama 10 hari iaitu dari 21hb hingga 30hb November 2021 untuk responden menjawab soal selidik. Seramai 18 orang

responden terlibat dalam kajian rintis ini. Tujuan kajian rintis adalah untuk mengenalpasti kebolehlaksanaan kajian sebenar yang bakal dijalankan. Ia juga bertujuan mengetahui sama ada responden menghadapi kekeliruan terhadap item yang dikemukakan. Hasil daripada kajian rintis ini menunjukkan responden memahami item yang dikemukakan dan tiada sebarang kekeliruan pada item di borang soal selidik.

## 7. Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus bahasa Mandarin 1 dan Mandarin 2 di UniKL MSI yang mengikuti pembelajaran secara dalam talian bagi semester Julai 2021. Kesemua pelajar adalah pelajar bukan penutur natif.

## 8. Batasan Kajian

Kajian ini terbatas pada pelajar sesi akademik semester Julai 2021 di UniKL MSI yang mengambil kursus Mandarin 1 dan Mandarin 2. Kejujuran dan keikhlasan responden menjawab soal selidik amat penting memandangkan ia akan mempengaruhi hasil kajian. Kajian ini lebih berbentuk deskriptif yang bertujuan memberikan gambaran tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari aksara Cina yang mengikuti kursus bahasa Mandarin sebagai bahasa asing.

## 9. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan analisis adalah seperti di bawah.

**Jadual 1: Data Demografi Responden Kajian**

Faktor Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	57	64
	Perempuan	32	36
Peringkat Pengajian	Diploma	48	53.9
	Sarjana Muda	41	46.1
Kursus	Mandarin 1	52	58.4
	Mandarin 2	37	41.6

Seramai 89 orang responden telah menjawab soal selidik secara dalam talian. Berdasarkan Jadual 1, dari segi jantina, responden terdiri daripada pelajar lelaki seramai 57 orang (64%) dan pelajar perempuan 32 orang (36%). Dari segi peringkat pengajian pula, seramai 48 orang responden (53.9%) sedang mengaji diploma dan 41 orang responden (46.1%) sedang mengaji sarjana muda. Manakala dari segi kursus pula, seramai 52 orang responden (58.4%) mengambil kursus Mandarin 1 dan 37 orang responden (41.6%) mengambil kursus Mandarin 2.

### Item 1: Pada pendapat anda, apakah elemen yang paling sukar dalam pembelajaran bahasa Mandarin?

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Aksara Cina ( <i>Chinese characters</i> ).	61	68.5%
b. Sebutan ( <i>Pinyin</i> ).	8	9%
c. Kosa kata ( <i>Vocabulary</i> ).	9	10.1%
d. Tatabahasa ( <i>Grammar</i> ).	11	12.4%

Seramai 61 orang responden (68.5%) berpendapat aksara Cina merupakan elemen yang paling sukar dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Ini diikuti dengan tatabahasa (12.4%), kosa kata (10.1%) dan sebutan (9%). Dapatan kajian ini menunjukkan aksara Cina merupakan elemen yang paling sukar dalam pembelajaran bahasa Mandarin dalam kalangan responden.

**Item 2: Adakah anda berasa aksara Cina penting dalam pembelajaran bahasa Mandarin?**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Ya.	76	85.4%
b. Tidak.	2	2.2%
c. Tidak pasti.	11	12.4%

Seramai 76 orang responden (85.4%) berpendapat aksara Cina penting dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Manakala hanya 11 orang responden (12.4%) menyatakan tidak pasti dan 2 orang responden (2.2%) menyatakan tidak. Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden berasa aksara Cina penting dalam pembelajaran bahasa Mandarin.

**Item 3: Adakah anda berasa aksara Cina sukar dipelajari?**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Terlalu sukar, tidak mampu mempelajarinya.	5	5.6%
b. Sukar, tetapi masih mampu mempelajarinya.	78	87.6%
c. Tidak sukar, senang untuk mempelajarinya.	6	6.7%

Seramai 78 orang responden (87.6%) berpendapat aksara Cina sukar tetapi masih mampu mempelajarinya. Manakala hanya 6 orang responden (6.7%) berpendapat aksara Cina tidak sukar dan senang untuk mempelajarinya. Terdapat 5 orang responden (5.6%) berpendapat aksara Cina terlalu sukar dan tidak mampu mempelajarinya. Dapatan kajian ini menunjukkan responden mempunyai semangat dan keyakinan untuk mempelajari aksara Cina walaupun mereka berpendapat aksara Cina adalah elemen yang paling sukar dipelajari seperti yang ditunjukkan dalam item 1.

**Item 4: Bagaimana anda mempelajari aksara Cina?**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Belajar coret dahulu dan seterusnya belajar urutan coret ( <i>stroke order</i> ).	63	70.8%
b. Fokus pada urutan coret sahaja.	11	12.4%
c. Fokus pada struktur aksara Cina.	15	16.9%

Seramai 63 orang responden (70.8%) belajar coret dahulu dan seterusnya belajar urutan coret. Manakala 15 orang responden (16.9%) fokus pada struktur aksara Cina dan 11 orang responden (12.4%) pula fokus pada urutan coret sahaja. Dapatan kajian menunjukkan responden menyedari coret adalah unit asas pembentukan aksara Cina dan kepentingan urutan coret semasa menulis aksara Cina.

**Item 5: Bagaimana anda mula menulis aksara Cina?**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Ikut urutan coret yang dipelajari.	63	70.8%
b. Tidak ikut semua urutan coret yang dipelajari.	12	13.5%
c. Biasanya tidak ikut urutan coret yang dipelajari.	14	15.7%

Seramai 63 orang responden (70.8%) akan ikut urutan coret yang dipelajari semasa mula menulis aksara Cina. Manakala 14 orang responden (15.7%) biasanya tidak ikut urutan coret yang dipelajari dan 12 orang responden (13.5%) pula tidak ikut semua urutan coret yang dipelajari. Dapatan kajian menunjukkan responden menyedari kepentingan urutan coret dan mempraktiskannya semasa menulis aksara Cina.

**Item 6: Adakah anda mengetahui coret yang utama dalam aksara Cina?**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Mengetahui semua.	10	11.2%
b. Mengetahui sebahagian.	67	75.3%
c. Tidak mengetahui.	12	13.5%

Seramai 67 orang responden (75.3%) mengetahui sebahagian coret yang utama dalam aksara Cina. Manakala 12 orang responden (13.5%) tidak mengetahuinya dan 10 orang responden (11.2%) mengetahui semua coret yang utama. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden cuma mengetahui sebahagian coret yang utama dalam aksara Cina.

**Item 7: Adakah anda mengetahui urutan coret (*stroke order*) yang utama dalam aksara Cina?**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Mengetahui semua.	10	11.2%
b. Mengetahui sebahagian.	71	79.8%
c. Tidak mengetahui.	8	9%

Seramai 71 orang responden (79.8%) mengetahui sebahagian urutan coret yang utama dalam aksara Cina. Manakala 10 orang responden (11.2%) mengetahui semua urutan coret dan 8 orang responden (9%) tidak mengetahuinya. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden cuma mengetahui sebahagian urutan coret yang utama dalam aksara Cina.

**Item 8: Adakah anda mengetahui struktur yang utama dalam aksara Cina seperti struktur atas-bawah, struktur kiri-kanan dan struktur luar-dalam?**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Mengetahui semua.	20	22.5%
b. Mengetahui sebahagian.	61	68.5%
c. Tidak mengetahui.	8	9%

Seramai 61 orang responden (68.5%) mengetahui sebahagian struktur yang utama dalam aksara Cina seperti struktur atas-bawah, struktur kiri-kanan dan struktur luar-dalam. Manakala 20 orang responden (22.5%) mengetahui semua struktur yang utama dan 8 orang responden (9%) tidak mengetahuinya. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden cuma mengetahui sebahagian struktur yang utama dalam aksara Cina.

**Item 9: Apakah kesukaran yang anda hadapi semasa belajar aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Tidak dapat mengenali bentuk aksara Cina.	30	33.7%
b. Sukar membezakan aksara Cina yang mempunyai bentuk yang lebih kurang sama.	62	69.7%
c. Sentiasa keliru dengan struktur aksara Cina.	44	49.4%
d. Tidak mengetahui urutan coret yang betul.	19	21.3%



Terdapat seramai 62 orang responden (69.7%) menghadapi kesukaran untuk membezakan aksara Cina yang mempunyai bentuk yang lebih kurang sama. Seterusnya diikuti dengan seramai 44 orang responden (49.4%) sentiasa keliru dengan struktur aksara Cina. Manakala terdapat 30 orang responden (33.7%) tidak dapat mengenali bentuk aksara Cina. Hanya 19 orang responden (21.3%) tidak mengetahui urutan coret yang betul. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden menghadapi masalah mengenali aksara Cina. Ini akan menyukarkan pelajar membaca dan menggunakannya.

**Item 10: Apakah kesalahan yang biasa anda lakukan semasa menulis aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Keliru dengan coret aksara Cina.	35	39.3%
b. Keliru dengan urutan coret aksara Cina.	37	41.6%
c. Keliru dengan struktur aksara Cina.	32	36.0%
d. Keliru dengan aksara Cina yang mempunyai bentuk yang lebih kurang sama.	48	53.9%

Dari segi kesalahan yang biasa responden lakukan semasa menulis aksara Cina pula, didapati seramai 48 orang responden (53.9%) keliru dengan aksara Cina yang mempunyai bentuk yang lebih kurang sama. Ini diikuti dengan seramai 37 orang responden (41.6%) keliru dengan urutan coret aksara Cina. Manakala terdapat 35 orang responden (39.3%) keliru dengan coret aksara Cina. Seramai 32 orang responden (36.0%) pula keliru dengan struktur aksara Cina. Dapatan kajian sama seperti dengan dapatan pada item 9 yang menunjukkan kebanyakan responden menghadapi masalah mengenali aksara Cina.

**Item 11: Apakah cara yang anda guna untuk mengingati aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Menulis aksara Cina secara berterusan.	62	69.7%
b. Melihat dan membaca aksara Cina secara berterusan.	54	60.7%
c. Menghubungkan kisah asal-usul aksara Cina yang berkaitan dengan aksara Cina yang dipelajari.	15	16.9%

Terdapat seramai 62 orang responden (69.7%) menulis aksara Cina secara berterusan untuk mengingati aksara Cina. Ini diikuti dengan seramai 54 orang responden (60.7%) melihat dan membaca aksara Cina secara berterusan. Manakala hanya terdapat 15 orang responden (16.9%) menghubungkan kisah asal-usul aksara Cina yang berkaitan dengan aksara Cina yang dipelajari. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden berpendapat menulis aksara Cina secara berterusan membantu mereka mengingati aksara Cina.

**Item 12: Pada pendapat anda, apakah kaedah pengajaran yang berkesan untuk mengajar aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Pengajar mendemonstrasikan urutan coret aksara Cina di papan putih.	53	59.6%
b. Pengajar menggunakan multimedia untuk mengajar aksara Cina.	32	36.0%
c. Pengajar memperbanyakkan latihan menulis aksara Cina.	65	73.0%
d. Pengajar menceritakan asal-usul dan kisah berkaitan dengan pembentukan aksara Cina.	21	23.6%

Pada pendapat responden, kaedah pengajaran yang berkesan untuk mengajar aksara Cina ialah pengajar memperbanyakkan latihan menulis aksara Cina. Kaedah pengajaran ini mempunyai bilangan responden yang paling ramai iaitu seramai 65 orang responden (73.0%). Ini diikuti dengan seramai 53 orang responden (59.6%) berpendapat pengajar mendemonstrasikan urutan coret aksara Cina di papan putih adalah kaedah pengajaran yang berkesan untuk mengajar aksara Cina. Manakala terdapat 32 orang responden (36.0%) menyatakan kaedah pengajaran yang berkesan adalah pengajar menggunakan multimedia untuk mengajar aksara Cina. Hanya 21 orang responden (23.6%) menyatakan kaedah pengajaran yang berkesan adalah pengajar menceritakan asal-usul dan kisah berkaitan dengan pembentukan aksara Cina. Dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan responden berpendapat latihan menulis aksara Cina merupakan kaedah pengajaran yang berkesan untuk mengajar aksara Cina dalam membantu pelajar menguasai aksara Cina.

**Item 13: Pada pendapat anda, apakah kaedah yang berkesan untuk mempelajari aksara Cina? (Boleh pilih lebih daripada satu pilihan.)**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Memberi perhatian semasa pembelajaran aksara Cina di kelas.	67	75.3%
b. Menulis aksara Cina secara berterusan.	67	75.3%
c. Mengetahui dan memahami lebih banyak kisah asal-usul yang berkaitan dengan aksara Cina.	28	31.5%
d. Belajar melalui aplikasi yang berkaitan atau media sosial seperti <i>youtube</i> .	38	42.7%

Berdasarkan pendapat responden, dua kaedah yang berkesan untuk mempelajari aksara Cina ialah memberi perhatian semasa pembelajaran aksara Cina di kelas dan menulis aksara Cina secara berterusan. Kedua-dua kaedah ini mempunyai bilangan responden yang sama iaitu seramai 67 orang (75.3%). Kaedah seterusnya ialah belajar melalui aplikasi yang berkaitan atau media sosial seperti *youtube*. Seramai 38 orang responden (42.7%) berpendapat kaedah ini berkesan. Hanya seramai 28 orang responden (31.5%) berpendapat bahawa mengetahui dan memahami lebih banyak kisah asal-usul yang berkaitan dengan aksara Cina merupakan kaedah yang berkesan.

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat dua kaedah yang berkesan untuk mempelajari aksara Cina iaitu “memberi perhatian semasa pembelajaran aksara Cina di kelas” dan “menulis aksara Cina secara berterusan”. Kaedah “menulis aksara Cina secara berterusan” juga merupakan cara yang digunakan oleh kebanyakan responden untuk mengingat aksara Cina seperti yang ditunjukkan di item 11. Selain itu, kebanyakan responden berpendapat “pengajar memperbanyakkan latihan menulis aksara Cina” merupakan kaedah pengajaran yang berkesan untuk mengajar aksara Cina membantu pelajar dalam menguasai aksara Cina seperti yang ditunjukkan di item 12.

Ini jelas menunjukkan kebanyakan responden beranggapan menulis aksara Cina dapat meningkatkan penguasaan aksara Cina. Selain itu, cara ini juga memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan dan mempraktikkan coret dan urutan coret yang telah dipelajari. Ini akan membantu pelajar menguasai coret, urutan coret dan struktur yang utama dalam aksara Cina. Menulis aksara Cina yang berterusan juga dapat membantu pelajar membezakan aksara Cina yang mempunyai bentuk yang lebih kurang sama.

**Item 14: Selepas tamat pembelajaran kursus bahasa Mandarin, adakah anda akan terus mempelajari aksara Cina?**

Pilihan	Bilangan responden	Peratusan
a. Ya.	54	60.7%
b. Tidak.	1	1.1%
c. Tidak pasti.	34	38.2%

Seramai 54 orang responden (60.7%) menyatakan akan terus mempelajari aksara Cina selepas tamat pembelajaran kursus bahasa Mandarin. Terdapat 34 orang responden (38.2%) menyatakan tidak pasti dan hanya 1 orang responden (1.1%) menyatakan tidak akan terus mempelajari aksara Cina. Dapatan kajian menunjukkan sikap responden yang positif terhadap pembelajaran aksara Cina. Walaupun pelajar menghadapi pelbagai masalah semasa mempelajari aksara Cina, namun kebanyakan responden akan terus mempelajarinya selepas tamat pembelajaran kursus bahasa Mandarin.

## 10. Cadangan

Kesukaran yang dihadapi oleh pelajar harus diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya harus diambil. Menyedari hakikat bahawa mengenali dan penguasaan aksara Cina adalah asas kepada kemahiran membaca dan menulis bahasa Mandarin. Para pengajar seharusnya membantu dan membimbing pelajar menguasai aksara Cina agar dapat membaca dan menulis tanpa bergantung kepada sebutan (pinyin). Pengajar harus memberi perhatian terhadap pengajaran aksara Cina yang berfrekuensi tinggi. Selain itu, pengajar juga dicadangkan menghubungkan aksara Cina yang diajar dengan kehidupan seharian pelajar untuk menarik minat dan perhatian pelajar.

Amalan pengajaran sehala iaitu pengajar menerangkan sebutan dan bentuk aksara Cina dan pelajar hanya menghafal kadang-kadang akan membosankan pelajar. Penambahbaikan aktiviti semasa sesi PdP harus diberi perhatian yang sewajarnya agar pelajar dapat meningkatkan minat pembelajaran dan seterusnya menguasai kemahiran menulis aksara Cina. Sesi PdP harus mempunyai unsur keseronokan untuk menarik perhatian dan memupuk minat pembelajaran dalam kalangan pelajar.

Pengajar harus memberi perhatian ke atas aktiviti mengenali aksara Cina, mengaplikasikan kaedah pengajaran yang bersesuaian agar pelajar senang mengenali, mengingat, menulis dan seterusnya menguasai aksara Cina. Contohnya penggunaan Kaedah Hukum Pengurusan Aksara (字理识字法), menggunakan flashcard, multimedia dan sebagainya.

Selain itu, pengajaran aksara Cina haruslah mengikut ciri aksara Cina dengan berlandaskan asas pembentukan aksara Cina iaitu Enam Kaedah Penciptaan Aksara Cina Kuno (六书). Ciri yang berlainan memerlukan kaedah pengajaran yang berbeza. Penggunaan kaedah pengajaran yang bersesuaian pasti akan meningkatkan keberkesannya. Sebaliknya, penggunaan kaedah pengajaran yang sama atau tunggal nescaya akan mengurangkan impaknya. Dengan mendasari asas pembentukan aksara Cina bersama dengan pengalaman pengajar akan mendatangkan hasil yang memberangsangkan.

Memandangkan setiap kaedah pengajaran mempunyai kekangannya, pengajar harus kreatif dalam pengajaran dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran atau menggabungkan kaedah pengajaran yang berlainan semasa pengajaran aksara Cina. Ini akan memudahkan pelajar menguasai aksara Cina dari segi bentuk, sebutan dan maksud. Setiap aksara Cina mempunyai

ciri-ciri berlainan berlandaskan konsep Liushu (六书). Ciri-ciri yang berlainan memerlukan kaedah pengajaran yang berbeza untuk meningkatkan keberkesanan penguasaan aksara Cina.

## 11. Kesimpulan

Secara umumnya pelajar menghadapi masalah untuk mengenali, mengingat dan menulis aksara Cina. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai aksara Cina. Menyedari hakikat bahawa penguasaan aksara Cina adalah asas kepada kemahiran membaca dan menulis bahasa Mandarin, masalah yang dihadapi oleh pelajar harus diberi perhatian yang sewajarnya. Dapatan kajian ini dan cadangan yang disyorkan diharap dapat membantu para pengajar bahasa Mandarin sebagai bahasa asing mengubahsuaikan dan menambahbaik kaedah pengajaran demi meningkatkan penguasaan aksara Cina dalam kalangan pelajar bukan penutur natif secara keseluruhan. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pelajar untuk meningkatkan penguasaan aksara Cina.

## Rujukan

- Ang Lay Hoon (2008). Malaixiya Botela Daxue Fei Huayi Sheng Hanyu Xuexi Qingkuang Diaocha Yu Fenxi. *Haiwai Huawen Jiaoyu*. Vol.1, 65-70.
- Fuad Mohamed Berawi (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. Sintok: Penerbit UUM.
- Goh Ying Soon & Ng Ahsuan. (2004). The Bumiputra Students' Attitude in Learning Mandarin at UiTM Campus Terengganu, Malaysia. Kertas Kerja untuk CSSR (Conference on Science and Social Science Research), 19-21 May, 2004, di Kuching, Sarawak, Malaysia dan Pembentangan Poster di The International Colloquium on Language, Attitudes and Education in Multilingual Cities, 27-28 May, 2004, Brussels, Belgium.
- Hao Tong-yu (2021). Analysis Of Errors In Chinese Character Writing Made By Beginning Learners. *Journal of Honghe University*, Vol.19, No.5, 132-134.
- Jian Keke, Fang Shu & Zhang Xiaoming (2018). Research On The Teaching Of Chinese As A Foreign Language – Take The Classroom Of Chinese As A Foreign Language In Northwestern University. *Disciplines Exploration*, 66-68.
- Li Fan (2005). *A Brief History of Chinese Characters*. Beijing: China Friendship Publishing Company.
- Li Rong (2016). Duiwai Hanyu Hanzi Jiaoxue Zhong Cunzai De Wenti Yu Duice. *Theoretic Observation*, No.3, Serial No.117, 175-176.
- Li, X. Q. (2006). *Duiwai Hanyu Zonghe Ke Jiaoxue Yanjiu*. Beijing: The Commercial Press.
- Lui Lep Ming (2016). *Study On The Standard-Based Chinese Language Curriculum (2011 Edition) For Malaysian Chinese Primary School (Tesis Sarjana)*. Central China Normal University, China.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Edisi Kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Norlida Razali (2015). Foreign Students' Common Problems In Writing Chinese Characters. *International Journal of East Asian Studies*, 4 (1), 63-78.
- Norlida Razali. (2018). Kajian Sikap Dan Persepsi Terhadap Pembelajaran Bahasa Mandarin Dalam Kalangan Pelajar UiTM Kelantan. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 2, 54-69.
- Tan, H.A. & Tan, T.L. (2021a). Kajian Situasi Pembelajaran Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa

- Asing Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (2), 334-343.
- Tan, H.A. & Tan, T.L. (2021b). Sikap Dan Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Asing Di Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (3), 450-460.
- Wang Jiang & Zhang Wei (2019). Teaching Standard Writing of Chinese Characters Based On Teaching Chinese As A Foreign Language. *Journal of Liaoning Educational Administration Institute*, 83-87.
- Wang Lu Zhen (2017). Li Tan Taiguo Zhongxuesheng Hanzi Bishun Xide Pianwu. *Literature Education*, 126-127.
- Xing Yue (2020). Haiwai Hanyu Ketang Hanzi Jiaoxue Yanjiu – Yi Baxikanpinasi Daxue Kongzi Xueyuan Wei Li. *Journal of Kaifeng Vocational College of Culture & Art*, Vol.40, No.3, 99-100.
- Xu, Y.L. (2003). Jizhong Hanyu Shizi Jiaoxue Fangfa De Bijiao. *Journal of Cangzhou Teachers' College*, Vol.19, No.2, 64-66.
- Yang Si Jia, Han Shu Wei & Yang Ji Kun (2018). Liuxuesheng Hanzi Xide Yu Renzhi Celue Diaocha Yanjiu. *Modern Communication*, 48-49.
- Zhang Ying-ying (2010). On The Writing Errors In Chinese of African Students. *Journal of Nanchang College of Education*, Vol.25, No.12, 75-76.
- Zhou, X. B. (2016). *Duiwai Hanyu Jiaoxue Daolun*. Beijing: The Commercial Press.